

NO SOALAN : 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI  
MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 02.04.18  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan untuk meminda komposisi Majlis Veteran Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Veteran dengan menyenaraikan Pengerusi/Presiden Persatuan Veteran Tentera Darat, Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Tentera Udara Di Raja Malaysia sebagai Anggota MVK.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) diwujudkan melalui Akta Veteran 2012. Majlis ini berperanan untuk merumuskan dasar dan pelan tindakan berhubung dengan hal ehwal veteran. Di samping itu, MVK turut bertujuan untuk menasihatkan Kerajaan dan membuat syor mengenai penggubalan atau pindaan mana-mana perundangan sedia ada supaya dapat menjamin kebajikan dan kepentingan veteran.

MVK dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan dan keahliannya terdiri daripada Pegawai Kanan Tentera, penjawat awam, Veteran ATM dan ahli politik.

Cadangan agar menyenaraikan Pengerusi atau Presiden Persatuan Veteran Tentera Darat, Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Tentera Udara DiRaja Malaysia akan dipertimbangkan setelah ahli majlis sedia ada telahpun tamat tempoh lantikan dengan mendapat kelulusan daripada Menteri Pertahanan.